

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PERHIMPUNAN GERAKAN BELIA 4B MALAYSIA DI JOHOR BAHRU, JOHOR PADA 29HB JULAI, 1974

Y B. Datuk Mohamad Rahmat,¹ Y.A.B. Datuk Haji Othman Saat, Y.B. Menteri-menteri, Saudara-saudara sekalian-

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dengan izinNya saya dapat bersama-sama dengan saudara-saudara pada pagi ini. Begitu juga saya ingin mengambil kesempatan di sini mengucapkan terima kasih kepada Pergerakan Belia 4B kerana memberi penghormatan kepada saya untuk merasmikan perhimpunan yang besar maknanya kepada kaum belia di seluruh tanah-air, dan juga atas sambutan yang sangat meriah sebentar tadi.

Bagi diri saya sendiri, saya sentiasa memberi perhatian yang berat kepada pergerakan belia di negara kita ini untuk membolehkan saya memahami aspirasi kaum belia kita dan menimbangkan apa yang boleh untuk kemajuan belia menerusi saluran-saluran yang tertentu. Berhubung dengan ini, saya ingin menyatakan penghargaan kepada pucuk pimpinan Pergerakan Belia 4B Malaysia yang telah bekerjasama dengan Kerajaan membangkitkan semangat pemuda luar bandar menjalankan usaha dan kegiatan dalam bidang pertanian dan perindustrian. Saya berpuashati dengan kemajuan-kemajuan yang dicapai oleh Pergerakan Belia 4B ini meninggikan lagi keadaan ekonomi penduduk-penduduk kawasan luar bandar.

Saudara-saudara sekalian.

Satu-satunya perkara yang menarik perhatian saya mengenai kegiatan-kegiatan belia ialah tema kerja yang dipilih oleh pertubuhan-pertubuhan tahun ini iaitu "Belia Bertindak Untuk Keadilan". Ini adalah satu natijah yang baik dan pada hemat saya tema ini adalah menepati hasrat dan dasar Kerajaan untuk mewujudkan masyarakat yang adil, makmur dan bersatu. Tidak hams diragukan kesungguhan Kerajaan hendak membawa keadilan dan kemakmuran kepada seluruh rakyat menerusi berbagai-bagai rancangan pembangunan dalam bidang kesihatan, pelajaran, pertanian, perindustrian, ugama, kebudayaan dan lain-lain.

¹ Penaung Gerakan Belia 4B, Malaysia.

Usaha-usaha Kerajaan memodernkan sektor luar bandar dan mempesatkan perkembangan perindustrian sedang membawa kesan yang baik kepada taraf hidup rakyat dengan membuka peluang-peluang pekerjaan yang lebih luas kepada belia-belia kita. Pendek kata, kejayaan yang telah dicapai dalam masa yang begitu singkat mengkagumkan dunia luar dan meletakkan negara kita di tempat yang tinggi di mata dunia. Usaha Kerajaan untuk memperseimbangkan kemajuan material dengan kemajuan rohani membawa kesan yang baik dengan meninggikan imej kita di kalangan negara-negara Islam khasnya selepas diadakan Persidangan Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam baru-baru ini.

Bagaimanapun, patutlah diingat kita belum sampai kepada matalamat yang dituju dan masih banyak lagi yang perlu dibuat. Dalam usaha-usaha kita melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan, berbagai rintangan dan masaalah telah timbul. Tetapi Kerajaan berazam akan mengatasi segala-galanya dan membawa kebahagiaan kepada rakyat sebagai yang dicita-citakan itu. Saya dengan penuh ikhlas berkata di sini agar seluruh rakyat terutamanya jenerasi muda yang akan mewarisi masa depan negara ini memahami hakikat ini dan memberikan sokongan mereka kepada Kerajaan dengan memainkan peranan masing-masing dengan penuh tanggungjawab supaya seluruh dasar kita mencapai matalamatnya.

Saudara-saudara sekalian.

Suka saya menyatakan di sini bahawa salah satu rintangan kepada usaha-usaha pembangunan Kerajaan ialah kegiatan anasir-anasir anti-nasional samada dari dalam atau luar negeri. Kita tahu anasir-anasir ini sentiasa menjalankan berbagai cara mempengaruhi rakyat dengan tujuan hendak merosakkan rancangan pembangunan dan menimbulkan hum hara.

Oleh itu saya perlu mengingatkan seluruh rakyat khasnya kaum belia supaya sentiasa berwaspada dan jangan mudah terpedaya dengan tipu helah licin anasir-anasir jahat ini. Kadangkala mereka ini mendapat kesempatan menemsi kegiatan kita sendiri yang tidak difikirkan masak-masak terlebih dahulu, umpamanya tindakan kumpulan-kumpulan pelajar dan hal-hal seperti itu. Kerajaan akan mengambil segala langkah yang perlu menutup peluang untuk anasir-anasir itu bertindak tetapi saya tidak sekali-kali ingin pihak kita sendiri membukakan kesempatan, samada

secara langsung atau tidak langsung, kepada anasir-anasir jahat ini menggunakan pertubuhan-pertubuhan mereka sebagai platform untuk merosakkan rancangan-rancangan Kerajaan. Kita tidak akan teragak-agak mengambil tindakan yang wajar terhadap sesiapa jua yang membenarkan diri mereka diperalatkan oleh anasir-anasir jahat itu apa lagi kalau ternyata mereka bersubahat dalam perkara ini.

Saudara-saudara sekalian.

Pada masa yang lalu, kedudukan politik di negara kita tidak begitu stabil disebabkan oleh adanya berbagai-bagai parti politik yang bertentangan antara satu dengan yang lain; ini juga menjadi masalah besar dalam pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan yang tidak dapat berjalan lancar dan licin. Alhamdulillah, hasil dari pandangan yang luas pemimpin-pemimpin beberapa parti politik yang besar di negara ini, maka masalah ini telahpun dapat diatasi mula-mula dengan tertubuhnya Kerajaan Campuran hingga membawa kepada pembentukan Barisan Nasional. Saya berharap rakyat sekalian akan memahami betul-betul konsep Barisan Nasional ini yang berazam akan mengekalkan keamanan dan keselamatan, mengukuhkan kesetabilan sosial dan politik, serta membawa masa depan yang cemerlang kepada negara kita.

Saudara-saudara sekalian.

Di masa akhir ini terdapat kegiatan di kalangan mahasiswa dan pelajar yang bercorak politik dengan tujuan tertentu. Saya faham hasrat pertubuhan belia dan pelajar hendak memainkan peranan mereka sebagai "pressure group". Bahkan dalam negara yang mengamalkan demokrasi, saya sentiasa bersedia menerima segala pandangan dan kritik yang membina dari mana-mana pihak sekalipun. Sebagai bukti keikhlasan Kerajaan dalam perkara ini kita telah menubuhkan Majlis Perundingan Belia Negara yang mengandungi wakil-wakil pertubuhan belia dan pelajar di samping ahli-ahli lain. Saya suka menggesa belia dan pelajar supaya menggunakan saluran ini untuk menyuarakan pendapat mereka dan saya memberi jaminan di sini bahawa segala pandangan mereka itu akan diberi perhatian dan pertimbangan yang sepatutnya. Bagaimanapun, sebaik-baiknya pandangan mereka itu hendaklah berlandaskan kepada perhitungan yang luas supaya jangan berlaku bak kata pepatah Melayu "Menang Sorak Kampung Tergadai".

Seperkara lagi yang suka saya hendak sentuh di sini, meskipun sudah berulang kali saya katakan sebelum ini, ialah tentang penting dan mustahaknya perpaduan rakyat yang terdiri dari berbilang kaum itu di negara kita ini. Kerajaan tidak mengenal jemu bahkan berazam mewujudkan perpaduan di kalangan rakyat menerusi Dasar Ekonomi Baru yang diperkukuhkan melalui program ekonomi dan sosial agar rakyat yang berbilang kaum saling bersefahaman dan bantu membantu antara satu dengan lain untuk faedah bersama. Perkara ini bukanlah mudah, tetapi saya percaya dengan kerjasama rakyat sekalian terutamanya kaum belia, sudah pasti cita-cita bersama ini akan berhasil dengan sepenuhnya.

Saudara-saudara sekalian.

Alhamdulillah, hari ini, melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, rancangan-rancangan belia yang pada satu masa dulu banyak tertumpu kepada rancangan-rancangan sosial dan sedikit sebanyak rancangan-rancangan lain, telahpun berkembang kepada berbagai rupa rancangan yang sesuai dengan aliran zaman dan kehendak negara. Kerajaan akan terus berusaha menggembeling tenaga belia melalui Kementerian dan pertubuhan-pertubuhan seperti Gerakan Belia 4B ini supaya mereka menjadi satu tenaga progresif dan prodaktif, sebagai jentera penggerak untuk mencapai kemajuan bagi mereka dan seterusnya negara untuk masa hadapan.

Saya dimaklumkan setengah-setengah Kerajaan Negeri seperti Johor, Pahang, Selangor, Perak memberikan perhatian yang berat kepada Pergerakan Belia dengan berbagai cara, melantik pegawai-pegawai tambahan, mengadakan kemudahan hiburan dan rekreasi serta memberi peruntukan kewangan untuk projek-projek belia.

Memandangkan majoriti penduduk kita terdiri dari golongan belia, amat wajarlah Kerajaan-kerajaan Negeri bersama-sama memikul tanggungjawab yang berat ini. Saya mengambil kesempatan di sini mengucapkan terimakasih kepada Kerajaan-kerajaan Negeri tersebut dan di samping itu berharap semoga negeri-negeri yang lain akan berbuat demikian. Saya harap pihak swasta juga akan memberi sumbangan mereka dalam hal ini dengan apa cara yang boleh seperti membuka peluang untuk latihan kemahiran kepada belia, peluang-peluang pekerjaan sambil memberi sokongan kepada projek-projek yang dijalankan oleh pertubuhan-pertubuhan belia. Masa inipun ada setengah-setengah pihak swasta yang me:

berikan kerjasama dalam hal ini tetapi nampaknya belumlah begitu menyeluruh dan saya percaya mereka akan menyambut cabaran ini.

Saudara-saudara sekalian.

Dua tahun yang lalu, saya telah menghadiri Perhimpunan Gerakan Belia 4B yang pertama kali di Pulau Pinang. Hari ini saya faham Gerakan 4B telah meningkat maju dan banyak memberi khidmat bakti kepada negara. Saya sekali lagi mengucapkan terimakasih kepada pimpinan Pergerakan Belia 4B di atas sokongan dan kerjasama serta khidmat bakti mereka yang banyak untuk faedah belia khususnya dan faedah masyarakat amnya. Bagaimanapun, saya suka mengingatkan kadangkala oleh tindakan yang bersendirian dan kurang penyelarasan di antara pertubuhan-pertubuhan belia, adalah timbul masalah seperti pergeseran di antara satu dengan lain dan kerja berlapis—*duplication of work*—yang merugikan masa, tenaga dan wang ringgit kita.

Adalah lebih berkesan jika semua pertubuhan belia dan lain-lain menggembelingkan tenaga dan bekerjasama di dalam projek-projek yang menyeluruh dan membawa munafaat yang lebih besar. Satu seminar yang diadakan tidak berapa lama dulu di bawah anjuran Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan dan Kemajuan Pentadbiran, telah pun mengesyorkan supaya ditubuhkan satu badan yang diberi nama Majlis Penyelarasan Pertubuhan-pertubuhan Sukarela untuk mengatasi masalah ini dan menjamin khidmat yang lebih efektif dari pertubuhan-pertubuhan sukarela ini. Saya suka mengumumkan bahawa Majlis ini akan ditubuhkan dalam sedikit masa lagi dan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Saudara-saudara sekalian.

Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan terimakasih kepada semua yang berkenaan atas sambutan serta acara yang begitu meriah diatitkan untuk lawatan saya ke Johor. Inilah pertama kali saya mendarat di lapangan terbang Senai yang bersempena baik dengan Perhimpunan Belia 4B ini.

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah dan Penyayang, saya sukacita merasmikan Perhimpunan ini dan berdoa semoga Pergerakan Belia 4B akan mencapai matalamat perjuangannya dengan penuh kejayaan.